

Untuk Siaran Segera

## **Panasonic maju ke hadapan dengan idea eco melalui konsep “Mottainai” ...**

*Mempamerkan inisiatif dan produk mesra alam untuk mengurangkan penggunaan tenaga, wang dan pemuliharaan alam sekitar di Pameran Eco bertemakan ‘Power of Innovation’ di Pusat Pameran Mid Valley*

**Kuala Lumpur, 1 Oktober, 2009** - Panasonic, jenama yang dikenali bagi Panasonic Malaysia Sdn Bhd terus mendahului dengan inisiatif idea eco dengan memberi kesedaran kepada orang ramai bagaimana untuk menjimatkan tenaga, wang dan alam sekitar untuk kehidupan yang lebih sihat di pameran idea eco yang bertemakan ‘Power of Innovation’ di Pusat Pameran Mid Valley dari 2 Oktober hingga 4 Oktober.

Pengunjung dapat mengambil bahagian dengan aktiviti eco yang menarik dan interaktif, pameran produk Panasonic yang mesra-eco dan inovasi yang dapat menjimatkan tenaga dan air, demonstrasi produk seperti perkakasan rumah, audio visual, *business system simulation and intergration*, demonstrasi masakan dari chef selebriti Amy Beh, demonstrasi tip kecantikan dan banyak lagi.

Untuk menguatkan Panasonic sebagai ‘jenama eco’, pada tahun ini idea-idea eco Panasonic menggabungkan konsep ‘Mottainai’ yang merupakan inisiatif yang bertujuan untuk mengajar dan membimbing orang ramai untuk menggunakan sumber-sumber alam menggunakan 3R, mengurangkan, mengguna semula dan mengitar dengan betul.

“Mottainai” adalah perkataan Jepun yang memberi makna ‘Pembaziran’ dan ‘Jangan Membazir’ dalam Bahasa Melayu. Ekspresi “Mottainai!” boleh dituturkan apabila sesuatu yang berguna seperti makanan atau masa dibazirkan la juga merujuk kepada situasi seperti sesuatu barang yang berguna dibazirkan atau digunakan tanpa berhati-hati atau penyesalan terhadap pembaziran apabila objek atau bahan tidak digunakan sebaik-baiknya.

“Kami menggunakan konsep Mottainai yang juga merupakan perkataan mesra eco bagi mewujudkan pemahaman dan kesedaran terhadap sumber dan alam persekitaran pada orang awam tidak kira yang muda atau tua. Konsep ini menunjukkan pendekatan asas yang mudah pada 3R yang boleh digunakan pada kehidupan harian kita.” kata Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Sdn Bhd.

“Kami juga berharap, dapat berkomunikasi secara efektif dan berkongsi konsep ini melalui saluran yang telah kami wujudkan seperti portal web, aktiviti-aktiviti CSR, kempen pengiklanan dan pameran.”

Web portal Mottainai dilancarkan pada September 15. Projek perintis Mottainai CSR yang pertama telah dikendalikan untuk 40 orang kanak-kanak prasekolah berumur 5 dan 6 daripada Beacon House Subang Jaya pada 8 September diikuti dengan kempen pengiklanan Mottainai bermula pada 1 Oktober selama satu bulan.

Tony Endoh berkata: “Kami mahu memantapkan Panasonic seperti satu jenama eco. Ini merupakan tahun kedua kami menganjurkan satu pameran berteraskan idea-idea eco melalui inisiatif-inisiatif eco kami, tetapi tahun ini kami memperkenalkan ia terus melalui konsep Mottainai 3R yang boleh dikaitkan dengan kehidupan harian kita”.

“Kami berharap dapat menarik ramai pengguna bagi menghadiri pameran “Mottainai” dunia hari ini supaya usaha-usaha kita dan segala inisiatif-inisiatif untuk mendidik orang ramai boleh dicapai. Dengan komitmen ini, Panasonic Malaysia akan mendahului laluan idea-idea eco dan Mottainai untuk berkongsi dan memaklumkan pengguna-pengguna di Malaysia yang hadir di pameran itu. Kami tahu bahawa pengguna-pengguna akan mengambil masa melawat pameran itu dan mereka akan dapat membawa pulang beberapa idea-idea eco yang berharga pada hari tersebut.

Panasonic, yang bertemakan idea-idea eco dan “Mottainai”, akan menawarkan penyelesaian yang kreatif untuk pengguna dan menunjukkan bagaimana gaya dan produk mesra alam direka, disokong oleh kecemerlangan teknologi membolehkan pengguna-pengguna untuk menikmati kehidupan harian mereka sambil meningkatkan keprihatinan mengenai persekitaran di mana mereka hidup,” tambah Tony Endoh.

“Untuk mencapai matlamat akhir dalam mempertingkatkan jenama kita dan produk untuk menarik pengguna, Panasonic telah mengambil satu langkah yang berani dengan memperkenalkan pendekatan-pendekatan “Mottainai” dalam pembangunan produk dan strategi pemasaran.”

“Kami dapat melihat satu anjakan dalam arah aliran pengguna untuk produk penjimatan tenaga daripada produk normal. Penjualan Panasonic daripada produk-produk mesra eko meningkat pada tahun lepas sebanyak 30% daripada 13% dahulunya,” kata Cheng Chee Chung, Pengarah Persatuan Produk Pemasaran pengguna Panasonic Malaysia.

“Produk Panasonic menerima penjualan dengan baik. Dari April hingga September 2009, syarikat melihat satu peningkatan sebanyak 5% dalam penjualan alat-alat elektrik rumah berbanding tahun lepas. Dengan pengenalan dan kesedaran produk eko melalui pameran ini, kami mengjangkakan satu lagi pertumbuhan yang positif sekurang-kurangnya 10% daripada kini sehingga hujung tahun Mac 2010 dengan bahagian pasaran 30%, memelihara kedudukan nombor satu mutlak dalam pasaran.”

“Untuk produk-produk audio visual, Panasonic yakin dapat mencapai satu pertumbuhan jualan 20%. Sehingga kini, kami telah pun mencapai 22% pasaran kongsi jumlah Paparan Panel Pipih, menjadikan kami kedudukan No.1 dalam segmen TV panel rata sejak April 2009. Dengan usaha-usaha tertumpu bagi mencapai sasaran 1.7 bilion jualan untuk kewangan tahun 2009,” jelas Cheng Chee Chung.

Rangkaian produk Panasonic daripada alat-alat elektrik rumah, visual audio, pengimejan digital, penyiaran profesional, sistem-sistem perniagaan untuk penjagaan kecantikan, bateri dan lampu telah berkembang berdasarkan reliabiliti dan kecemerlangan teknologi.

Di pameran itu, lapan produk baru akan diperkenalkan iaitu; Keupayaan Yang Besar penyongsang Peti Sejuk, Beban Atas penyongsang Mesin Basuh, Besen Cuci, Bateri Evolta, Kapsul Cahaya Berlingkar, Pengion Beralkali, Pengering Hidangan dan penurasan udara.

Dengan pendekatan baru bagi Mottainai, pameran itu di reka bentuk dengan gaya dan interaktif. Pelawat-pelawat akan mengalami suatu pengalaman penetapan yang ideal dan enam persekitaran kawasan khusus iaitu; Dunia Mottainai, 'Pengalaman idea-idea Eco'.

***Mottainai World*** (Dunia Mottainai) bertujuan untuk mendidik orang ramai, terutamanya kanak-kanak, cara memulihara sumber-sumber alam dengan memperkenalkan konsep "Pembaziran" dan "Jangan Membazir"

Pengunjung dapat meneroka dan belajar tentang memulihara sumber-sumber alam yang berharga melalui permainan menarik dan mempelajari maksud Mottainai dengan Nenek Mottainai.

***Eco Ideas Experience*** (Pengalaman Idea Eco) memberi pengalaman kepada pengunjung untuk merasa,berfikir, mengetahui dan melakukan sesuatu dengan memberi kesedaran, pemahaman dan mengambil tindakan pada isu-isu terkini tentang alam sekitar. Pameran ini juga akan berkongsi dan mempamerkan usaha-usaha Panasonic dalam menjaga planet bumi melalui teknologi eco, produk dan aktiviti eco secara global. Orang ramai boleh melakukan bahagian mereka untuk alam sekitar dengan memberi ikrar mereka untuk dunia yang lebih hijau di kawasan pameran Eco Ideas Experience (Pengalaman Idea Eco).

Salah satu dari tarikan di pameran **Eco Ideas Experience** (Pengalaman Idea Eco) adalah produk tenaga efisien 5 bintang yang diperkenalkan untuk pengguna memahami tentang usaha dan pencapaian Panasonic dalam produk tenaga eco efisien dan teknologi seperti **mentol lampu** yang dapat menjimatkan **80% tenaga**, teknologi inverter **penghawa dingin** yang menjimatkan sehingga **50% tenaga**, **mesin basuh** inverter pintar baru yang menjimatkan sebanyak **20% tenaga** dan **peti sejuk** dengan inverter pintar terkini yang menjimatkan **40% tenaga**.

Kawasan **Home Appliances** (Perkakasan Rumah) akan mempamerkan berbagai produk masa kini seperti mesin basuh, peti sejuk, penghawa dingin, perkakasan rumah, perkakasan dapur kecil, seterika, alat pembersih udara, pengionan alkali, pengering perkakasan dapur, penjagaan kecantikan, bateri dan reka bentuk lampu untuk memberi keselesaan kepada pengguna di kawasan ini.

Di pameran **Audio Visual Solutions**, terdapat pameran TV plasma, pemain cakera Blu-ray dan sistem set teater yang digabungkan melalui peneraju industr rangkaian servis SD Link yang direka untuk pengguna bijak.

Lumix Station di pameran **Digital Imaging** merupakan komitmen terkini Panasonic untuk memberi 'satu solusi' untuk produk digital terkini.

Saksikan buat kali pertama Cyberdome di pameran **Business System Solution** yang turut menyediakan bilik kawalan sekuriti dan simulasi studio siaran. Dengan kesemua simulasi yang disediakan, demonstrasi operasi sebenar produk-produk Panasonic juga diadakan.

Jangan lepaskan peluang mendapat pemberian percuma dan peluang mengambil gambar dengan "Nenek Mottainai". Sertai permainan interaktif "Mottainai" untuk memenangi barangan "Mottainai" seperti baju T, klip jumbo, kipas tangan dan beg eco sebagai salah satu dari usaha untuk mempromosikan cara hidup eco dan kesedaran kepada orang ramai.

Acara selama tiga hari ini dijangka mampu menarik minat lebih daripada 30,000 pengunjung. Ia dibuka kepada orang ramai dari Jumaat, 2 Okt sehingga 4 Okt dari 10 pagi hingga 9.30 malam dan masuk secara percuma. Jadi diantara 2000 pengunjung pertama yang menghabiskan quiz soalan dengan betul akan menerima RM20 e-baucar Panasonic.

### **Tentang idea-idea eco Panasonic**

Panasonic yakin dalam memperkenalkan idea-idea eco secara dalaman pada kakitangan mereka sebelum memperkenalkan ia dengan luas untuk orang awam. Sehingga kini ia telah berjaya mengamalkan satu siri aktiviti daripada tidak hari kerja lebih masa dengan meninggalkan pejabat pada pukul lima petang pada setiap minggu kedua dan ketiga pada hari Jumaat untuk menjimatkan tenaga dengan memadamkan penyaman udara dan lampu, tidak makan tengah hari diluar untuk menjimatkan minyak petrol dan mengurangkan karbon pada setiap hari ke-15 bulan tersebut bagi mengitar semula dan membersihkan pejabat pada hujung minggu pada setiap bulan bagi menggalakkan dan mengekalkan satu persekitaran kerja yang sihat dan bersih.

Secara global, inisiatif idea-idea eco ini membolehkan Panasonic untuk berkongsi usahanya dalam melindungi planet bumi melalui teknologi-teknologi termaju dan aktiviti-aktiviti eco.

Oleh itu, pameran 'idea-idea eco' adalah sebahagian dari kegiatan eco geganti, satu kumpulan luas bagi kempen ekologi di mana pelbagai aktiviti-aktiviti alam sekitar akan dijalankan oleh 342 syarikat-syarikat Panasonic dalam 39 buah negara secara global. Tahun ini ia akan bermula di Singapura diikuti Malaysia, Dubai dan negara-negara lain.

Seperti sebuah syarikat yang berdasarkan falsafah pengurusannya tentang sumbangan kepada masyarakat, dan kewujudan wawasan korporat bersama dengan persekitaran global Panasonic adalah secara global meningkatkan pengurusan pengekalan alam sekitarnya menerusi Green Plan yang selesai pada tahun 2010 yang diasaskan melalui satu 'strategi idea-idea eco dan pelan tindakan yang telah diumumkan oleh Presiden

Korporasi Panasonic, Encik Fumio Ohtsubo melalui pandangan inisiatif-inisiatif pemanasan anti global oleh komuniti-komuniti antarabangsa dan persatuan-persatuan.

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk muat turun gambar dan siaran akhbar, layari [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Perhubungan Media:      Azizah Wahid  
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7876 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

Mazlee Mokhtar  
Senior Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7877 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)

Simone Pan  
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7874 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966  
Emel: [simone.pan@my.panasonic.com](mailto:simone.pan@my.panasonic.com)

###